

24/10/1997

Kuasa besar penghalang usaha sejagat

BERIKAN ikan kepada seorang peminta, nescaya dia akan segera menghabiskannya dan kemudian meminta-minta lagi. Bagaimanapun jika si peminta diberikan joran dan diajar cara memancing, insya-Allah dia tidak akan putus bekalan makanan sepanjang hayatnya. Demikianlah pandangan bijak pandai bagaimana menangani masalah kemiskinan dalam masyarakat. Kemiskinan mempunyai takrifan yang sangat luas. Seseorang, sesebuah masyarakat atau sesebuah negara itu bukan saja boleh jatuh ke tahap miskin dari segi kebendaan tetapi juga miskin dari segi sikap, pendidikan, akhlak, harga diri dan pelbagai aspek lain.

Kita tertarik dengan syarahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk 'Kedudukan dan Peranan Asia Dalam Pembentukan Komanwel Sejagat Abad Ke-21' di London, kelmarin. Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengajak masyarakat dunia menjadikan kurun ke-21 sebagai abad perjuangan bagi membebaskan manusia daripada belenggu kemiskinan mutlak. Perdana Menteri merujuk kepada kejayaan Malaysia mencatatkan kemiskinan mutlak sifar ketika ini berbanding separuh daripada rakyatnya berada dalam kategori itu kurang 30 tahun lalu berdasarkan perangkaan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Dr Mahathir berkata jika Malaysia, sebuah negara sederhana, boleh melakukannya, seluruh dunia tentu boleh mengikut jejaknya. Namun kita percaya langkah menuju matlamat itu penuh ranjau dan duri disebabkan sikap rakus manusia sendiri. Seperti dalam masyarakat yang terdapat orang miskin dan kaya, negara juga dibahagikan kepada kelompok tertentu. Ada negara tersangat kaya, kaya, sederhana, miskin dan terlalu miskin. Sehubungan itu, usaha mengurangkan kemiskinan mutlak sejagat bukan saja tanggungjawab satu atau dua pihak tetapi memerlukan pembabitian semua pihak. Tidak mungkin sesebuah masyarakat atau negara miskin dapat keluar daripada belenggu kemiskinan berdasarkan usahanya semata-mata. Penindasan dan sikap tamak pihak kaya dan berkuasa termasuk merampas harta si miskin menyebabkan golongan malang ini bertambah derita sekalipun sudah melipatgandakan usaha.

Lantaran itu, kita dukacita dengan tindakan segelintir golongan kaya termasuk spekulator mata wang yang sanggup melihat sebahagian besar penduduk dunia menderita semata-mata bagi memenuhi nafsu mereka. Tindakan mereka memanipulasi mata wang menyebabkan pihak miskin dan sederhana kembali ke kedudukan asal sekalipun sudah berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing. Misalnya, akibat tindakan spekulator mata wang ini, taraf hidup penduduk Asia Tenggara kembali ke kedudukan 10 atau 20 tahun lalu.

Nilai mata wang negara Asia Tenggara merosot antara 10 hingga 30 peratus berbanding dolar Amerika. Sudah pasti ini bermakna taraf hidup sejumlah penduduk rantau ini kembali ke kedudukan lama sedangkan pendapatan penduduk negara maju dan kaya terus meningkat. Jurang antara negara membangun dengan negara kaya terus melebar dan ini bermakna usaha mengurangkan kemiskinan penduduk dunia oleh kuasa besar dan agensi dunia yang dikuasai mereka tidak lebih daripada cakap-cakap kosong saja.

Usaha memerangi kemiskinan sejagat juga bermakna mengurangkan penderitaan manusia. Tetapi berdasarkan perkembangan semasa, kita dapat saksikan bagaimana si miskin terus ditekan oleh pihak lebih kaya dan berkuasa. Kuasa besar dunia melalui agensi dunia bertindak mengenakan pelbagai sekatan kepada pihak dan negara yang tidak disenangi. Sebagai

contoh Iraq berterusan dikenakan pelbagai sekatan dan laporan terakhir menyatakan Amerika mendesak negara itu dihukum lebih berat.

Selain itu, kuasa besar juga mengugut mengenakan tindakan ke atas syarikat asing yang mahu berdagang dengan firma Iran dengan alasan negara itu menggalakkan keganasan antarabangsa. Sekatan antarabangsa ini hanya menyebabkan rakyat negara terbabit bertambah derita. Belunggu penderitaan dan kemiskinan akan kekal selagi dunia dipenuhi pemimpin dan negara yang rakus mengaut keuntungan untuk diri sendiri dan konconya. Usaha badan dunia seperti UNDP, Bank Dunia dan sebagainya bagi mengurangkan kemiskinan di Dunia Ketiga adalah langkah terpuji tetapi ia perlu disertai keikhlasan pihak yang menguasai agensi ini. Tidak guna untuk mereka bercakap mengenai usaha mengurangkan kemiskinan tetapi pada masa yang sama mengambil pendekatan yang boleh menyebabkan sebahagian besar penduduk negara Dunia Ketiga kembali menderita.

(END)